



TEKS UCAPAN YB MENTERI KKR

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN
INFRASTRUKTUR UNTUK PERPINDAHAN SKUADRON HAWK KE
PANGKALAN UDARA TUDM LABUAN**

Pada : 7 Jun 2024 (Jumaat)

Masa : 8.30 pagi

**Lokasi: Bangunan Auditorium, HQ Baharu No 6 Skuadron,
Pangkalan Udara Labuan**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir bagi majlis Penyerahan Projek Pembinaan Infrastruktur untuk Perpindahan Skuadron Hawk Ke Pangkalan Udara TUDM Labuan. Saya berasa amat gembira sekali dapat bersama-sama dengan Yang Berbahagia Datuk Seri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada pagi ini.
2. Belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kaamatan, Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan dan juga Selamat Hari Gawai, Gayu Guru Gerai Nyamai kepada semua yang menyambut perayaan ini.
3. Ini merupakan lawatan julung kali saya di WP Labuan sepertimana yang dimaklumkan oleh Pengarah JKR WP Labuan sebentar tadi. Saya berasa amat teruja dan senang hati melihat keindahan dan ketenangan Pulau Mutiara ini.
4. Namun, saya difahamkan terdapat banyak cabaran yang telah dihadapi oleh pihak kontraktor untuk menyiapkan projek-projek di WP Labuan. Pihak JKR WP Labuan selaku agensi pelaksana juga telah bertungkus lumus memastikan penyiapan projek-projek ini. Seperti yang kita sedia maklum, faktor logistik merupakan cabaran utama dan Kerajaan sentiasa berusaha mempertingkatkan kemudahan pengangkutan dan perhubungan di pulau ini.
5. Oleh yang demikian, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kontraktor utama iaitu Iklimega Sdn Bhd, pihak JKR Malaysia, JKR WP Labuan, pihak Pangkalan Udara WP Labuan dan

semua pasukan yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kejayaan menyiapkan projek ini. Komitmen, kegigihan dan usaha pihak tuan-tuan dan puan-puan adalah amat dihargai.

Yang Berbahagia Datuk Seri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MAKLUMAT PROJEK

6. Projek ini telah bermula pada 15 Oktober 2019 dan telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 15 Mac 2024 dengan kos projek bernilai RM 19.2 Juta. Antara skop kerja yang berkaitan adalah Menaiktaraf Bangunan HQ Sediada, *Firstline*, Garaj & *Computer Based Training* (CBT) dan Pejabat *Aircraft Ground Support Equipment/Vehicle* (AGSE/AGSV), Pembinaan Bangunan HQ Baharu, Pembinaan Bangunan Blok Bujang dan Kerja-Kerja Pavemen di Taxiway Bravo dan Taxiway Alpha.

7. Diharap dengan penyiapan projek ini, dapat memberikan impak yang positif kepada Kementerian Pertahanan dalam memastikan peningkatan keupayaan pesawat Hawk dalam melaksanakan penugasan operasi di Sabah, Sarawak dan Labuan. Dan yang terpenting ianya turut meningkatkan keselamatan dan keamanan wilayah Sabah, Sarawak dan Labuan.

Yang Berbahagia Datuk Seri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PROJEK-PROJEK SEDIAADA

8. Terdapat beberapa projek lain yang sedang dilaksanakan di dalam Perimeter Pangkalan udara WP Labuan ini bagi memastikan peningkatan

pengoperasian TUDM, perlindungan kepada cerun-cerun sedia ada serta meningkatkan kapasiti Rumah Keluarga Angkatan Tentera bagi menampung jumlah anggota yang kian bertambah.

9. Satu projek baharu yang telah dimulakan di Pangkalan Udara Labuan ini ialah projek Pembinaan Bangunan Markas Pangkalan, *Base Command Control Center* (BCCC) dan Skuadron Handau. Diharap projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang telah dirancang iaitu pada tahun 2026.

10. Kesemua projek-projek yang sedang berjalan ini bernilai sekitar RM110 Juta.

11. Terdapat juga projek dalam Pangkalan Udara yang masih di peringkat perancangan dan dijangka akan bermula pada tahun 2025 yang bernilai sekitar RM35 Juta.

12. Kita doakan semoga pihak kontraktor dan pihak JKR WP Labuan yang dibantu oleh pihak pelanggan serta pasukan projek dan agensi yang berkaitan sentiasa bersatu hati dan bekerjasama dalam menangani dan menyelesaikan apa jua isu-isu yang bersangkutan dengan projek ini. Saya amat yakin projek-projek ini akan berjalan dengan lancar, dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan dengan mutu yang terjamin dari segi kualiti, kos dan masa.

Yang Berbahagia Datuk Seri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Ucapan setinggi penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pertahanan selaku kementerian pelanggan yang telah memberikan

sempurnya kepercayaan kepada KKR dan JKR dalam melaksanakan projek ini.

14. Usahasama dan sinergi yang baik dan berterusan ini di samping pengalaman dan *lesson learned* dari projek-projek terdahulu diharap memberikan dorongan dan panduan demi kelancaran pengurusan projek bagi memastikan pembangunan prasarana keselamatan yang terancang di pulau ini khususnya.

15. Tahniah sekali lagi diucapkan kepada pihak JKR, pihak kontraktor dan juga pihak pelanggan atas penyiapan projek ini.

16. Akhir kata semoga projek ini dapat mendatangkan manfaat kepada pihak pelanggan.

***Ke pasar Labuan membeli belah,
Jangan lupa undang bakara,
Projek Hawk Labuan siap lah sudah,
Pemangkin keselamatan ruang udara negara.***

Saya, dengan rasa syukur dan besar hati, dengan ini merasmikan Majlis PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN INFRASTRUKTUR UNTUK PERPINDAHAN SKUADRON HAWK PANGKALAN UDARA TUDM LABUAN KEPADA KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA.

TERIMA KASIH.